

18 JUN 2003

KDN SIASAT TINDAKAN HARAKAH KAIT DR MAHATHIR DENGAN SARS

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri sedang menyiasat tindakan akhbar Harakah, lidah rasmi parti PAS, mengaitkan punca wabak Sindrom Penafasan Akut yang Teruk (SARS) dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan menterinya Datuk Chor Chee Heung memberitahu pemberita di lobi Parlimen hari ini bahawa kementerian akan meminta penjelasan daripada Harakah mengenai laporan itu sebelum mengambil sebarang tindakan.

"Perbuatan itu amat kejam dan berniat jahat terhadap seorang pemimpin utama negara," katanya.

Harakah, dalam isu terbarunya, telah membuat lakaran mengenai Dr Mahathir berhidung khinzir bersebelahan dengan gambar khinzir, yang kononnya menjadi punca merebaknya SARS.

Chor berkata bagi umat Islam, mereka tidak boleh menerima khinzir ataupun gambarnya di sebarang penerbitan kerana ianya sensitif kepada agama.

"Tindakan itu menunjukkan PAS bankrap dengan idea politik dan telah mengambil langkah paling hina untuk mengaibkan orang lain," katanya.

Beberapa Anggota Dewan Rakyat telah meminta supaya permit penerbitan akhbar itu ditarik balik.

-- BERNAMA

HK HK MAI